



Capai Kemuncak dengan kreativiti

Perniagaan Jualan Langsung **K-Link International** telah dirumuskan khas untuk memenuhi permintaan Industri Jualan Langsung pada abad ke-21. Strategi pemasaran **K-Link International** adalah untuk mencipta ruang pasaran yang berdaya saing untuk diri sendiri dan rakan kongsinya, ataupun lebih dikenali sebagai strategi "Blue Ocean". Ia merupakan satu hala tuju yang sistematik untuk menjadikan saingan tidak relevan serta berupaya untuk menawan pasaran baru dan seterusnya meletakkan diri diluar pasaran "Red Ocean".

Seperti yang anda maklum, antara produk Syarikat yang paling awal merupakan Penyerap Toksin Kinotakara. Hari ini, **K-Link International** mempunyai berbagai jenis barangan dalam produk kesihatannya dan ini membuktikan yang ianya bukan sahaja merupakan sebuah syarikat jualan langsung yang berjaya tetapi juga mampu untuk bertahan berdasarkan strategi pemasarannya yang berkesan.

Untuk menawan pasaran serta meningkatkan sempadan pasaran, seseorang perlu mempunyai keupayaan untuk meramal tren pasaran masa depan. Dengan itu, **K-Link International** amat berbesar hati untuk memperkenalkan produk terbaru kami - **K-FuelSaver**. Pelancaran **K-FuelSaver** ini amat tepat pada masanya kerana harga petrol yang semakin meningkat telah menyebabkan kos hidup semakin tinggi.

Dengan adanya **K-FuelSaver**, **K-Link International** mengambil berat kebajikan orang ramai dan adalah diharap yang produk baru ini dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan untuk petrol. Sehingga kini, ianya mendapat sambutan yang menggalakan daripada orang ramai kerana ianya menjimatkan petrol serta mesra alam.

Baru-baru ini pada 3hb Oktober 2006, **K-Link International** telah mengadakan sidang media sempena majlis tandatangan mengumumkan **K-Link International** sebagai Penedar Tunggal Sedunia **K-FuelSaver** di Mines Beach & Spa, Kuala Lumpur bersama dengan Chemplex Automotive Group Inc. Ini ternyata merupakan berita baik kepada strategi "Blue Ocean" kami kerana ianya bukan sahaja memberikan lebih nilai kepada rangkaian produk kami yang terkenal tetapi akan terus memperbaharui dan menghasilkan produk baru yang seiring dengan visi Syarikat.

Untuk masa depan dan bagi menghadapi cabaran globalisasi, kami mesti melengkapkan diri dengan pengurusan dan sistem penyampaian yang lebih berkesan. Dengan itu dan sebagai menghargai usaha rakan kongsinya, **K-Link International** amat bangga untuk mengumumkan yang kami akan berpindah ke lokasi baru tidak lama lagi setelah memperoleh sebuah bangunan milik sendiri.

Bagi kami semua di **K-Link International**, kami akan terus memperluaskan peluang perniagaan yang sedia ada. Bukan itu sahaja, kami juga akan terus memperbaharui serta merekacipta idea dan produk baru dan menyokong rakan kongsi kami. Pada masa yang sama, kami akan mengembangkan operasi Syarikat ke 100 negara selaras dengan wawasan Syarikat kami – iaitu untuk menjadi sebuah syarikat global.



Mr. Darren Goh bersama pengarang "Blue Ocean Strategy" Mr. W. Chan Kim